

25 JAN 1999

CUKAI KELUAR-PENGUMUMAN

KERAJAAN MUNGKIN UMUM CUKAI KELUAR TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Satu pengumuman berhubung dengan cukai keluar nominal ke atas pendapatan daripada jualan sekuriti bagi menggantikan tempoh menunggu selama satu tahun yang dikenakan September lalu akan dibuat tidak lama lagi, kata Cik Yeo Kar Peng, ketua wakil ekuiti Malaysia di Salomon Smith Barney Malaysia.

Mesej ini telah disampaikan kepada 28 pengurus dana dari Eropah dan Amerika Syarikat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis taklimat tertutup khas hari ini.

Antara pengurus-pengurus dana antarabangsa utama yang hadir pada pertemuan itu adalah dari Prudential Investment Management, Loomis, AIG London, Black Rock Financial, TCW, Guinness Flight Hambro Asset Management, Columbus Advisors dan Fineco.

Menurut Yeo, soalan mengenai tahun cukai keluar nominal akan dikenakan telah ditimbulkan pada pertemuan itu dan beliau memberitahu bahawa "pada masa ini, Perdana Menteri tidak boleh memberi banyak komen tetapi yang pasti, ia kini sedang dipertimbangkan dan satu pengumuman mengenai perkara tersebut akan dibuat tidak lama lagi."

Sementara itu, ketika bercakap dalam siaran langsung rancangan "Global" melalui TV2 malam tadi, Stephen Taran, pengarah urusan dan ketua bahagian risiko Salomon Smith Barney, penasihat kewangan kerajaan, berkata mengenakan cukai keluar dalam jumlah yang berkadar dengan tempoh pelaburan akan mewujudkan suasana pelaburan yang boleh mudah ditelaah dan lebih boleh dipercayai.

Walaupun mungkin ada risiko sekatan kredit bagi Malaysia dihadkan kepada sifar, pelabur-pelabur asing masih lagi mengambil sikap "tunggu dan lihat" disebabkan oleh perubahan-perubahan pada peraturan pelaburan.

Taran berkata mereka melihat bagaimana perubahan dibuat bagi kawalan modal, penyusunan semula sektor korporat dan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menambah kata pelabur-pelabur merasakan bahawa isu penarikan pelaburan yang terperangkap dengan kawalan modal perlu ditangani segera.

Moratorium setahun dikenakan ke atas pelabur-pelabur asing bagi mengekalkan modal di Malaysia sekurang-kurangnya selama setahun mulai 1 September, 1998 sebelum ia dihantar pulang ke negara asal.

Ramai tidak bersetuju dengan peraturan ini kerana ia menyekat pengaliran keluar wang baru. Dan jika keadaan ini masih serupa selepas September 1999, pengurus-pengurus dana mungkin terpaksa berada di luar pasaran.

Ahli-ahli panel lain dalam program ini ialah Dr Sulaiman Mahbob, ketua Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Tan Sri Bek-Nielsen, Pengarah Eksekutif Kanan, United Plantations Bhd, dan Dr Ghazali Atan, ketua eksekutif dan pengarah urusan Metrowangsa Asset Management.

-- BERNAMA

AA KY MA